



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 09/2021
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

VAKSINASI COVID-19 MANDATORI
BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM YANG
BERTUGAS SEBAGAI PETUGAS BARISAN HADAPAN (*FRONTLINERS*)
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan mengenai dengan **Vaksinasi COVID-19 Mandatori** bagi Petugas-Petugas Barisan Hadapan (*frontliners*), yang terdiri daripada warga Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam.

2. Dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjaga kesejahteraan, keselamatan dan memeduli perihal kepentingan kesihatan warga Perkhidmatan Awam khususnya bagi yang ditugaskan di barisan hadapan (*frontliners*) untuk mengawal dan menangani pandemik COVID-19, maka adalah dengan ini dikehendaki secara mandatori untuk mendapatkan vaksinasi COVID-19. Ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Bab 48 (2b) Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 dalam mana jika gagal untuk mematuhi arahan ini maka tindakan undang-undang boleh diambil keatas petugas-petugas tersebut. Kategori petugas-petugas barisan hadapan (*frontliners*) daripada kalangan warga Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan vaksinasi COVID-19 mandatori adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.
3. Semua pegawai dan kakitangan yang termasuk di dalam kategori di **LAMPIRAN 1** (kecuali mereka yang dikecualikan daripada mendapatkan vaksin COVID-19) adalah dimestikan untuk menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19 **sebelum 1 Oktober 2021**.
4. Dalam hal ini, setiap Kementerian dan Jabatan yang terlibat hendaklah memastikan pegawai dan kakitangan yang termasuk didalam kategori di **LAMPIRAN 1** untuk mendapatkan vaksinasi COVID-19 mandatori sepertimana yang ditetapkan. Pihak Kementerian dan Jabatan berkenaan juga dikehendaki untuk melaporkan ke Kementerian Kesihatan jika terdapatnya mana-mana pegawai dan kakitangan yang tidak mematuhi arahan ini dengan seberapa segera.



5. Sebarang penjelasan lanjut mengenai peraturan ini hendaklah dirujuk kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan.

6. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai tarikh Surat Keliling ini dikeluarkan dan akan dikemasikini dari semasa ke semasa menurut keperluan dan perkembangan terkini.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Belia Berwawan, Negara Cemerlang"

Dengan hormat

A blue ink signature of the name "MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS".

[MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : JPM/K/KES/4/Pt.1
Tarikh : 5 Muharram 1443
 14 Ogos 2021

LAMPIRAN 1

**KATEGORI PETUGAS-PETUGAS BARISAN HADAPAN (*FRONTLINERS*)
DARIPADA KALANGAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM
UNTUK MENDAPATKAN VAKSINASI COVID-19 MANDATORI**

KUMPULAN PEKERJAAN	RASIONAL
Petugas penjagaan kesihatan dan kakitangan sokongan penjagaan kesihatan	Ramai petugas penjagaan kesihatan mempunyai peranan berdepan dengan pesakit. Ada yang terdedah langsung dengan kes-kes yang disahkan COVID-19 samada dengan menyediakan rawatan di hospital, perkhidmatan diagnostik dan rawatan, mengambil sampel untuk ujian atau mengendalikan spesimen makmal. Manakala orang lain yang tidak terdedah kepada kes yang disahkan boleh diarahkan untuk membantu sekiranya berlaku kecemasan.
Pegawai dan Kakitangan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang bertugas di pintu masuk sempadan (<i>Points of Entry</i>)	Pendedahan terhadap kes COVID-19 yang disyaki dan yang disahkan pada kalangan orang-orang yang baru tiba ke Negara ini.
Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang bertugas di pintu masuk sempadan (<i>Points of Entry</i>)	
Anggota Beruniform dan Agensi Keselamatan Negara termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Jabatan Ukur	Pendedahan terhadap kes COVID-19 yang disyaki dan yang disahkan pada kalangan orang-orang yang baru tiba ke Negara ini. Berpotensi terlibat dalam pengurusan wabak besar.
Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penjara dan Institusi Tahanan Kerajaan yang lain	Kes-kes dalam institusi seperti penjara boleh menyebabkan kelompok besar dan seterusnya penyebaran wabak kepada masyarakat.